



Kunjungan Hormat YBhg Naib Canselor UiTM dan Dekan FPA ke Pejabat YAB Ketua Menteri Melaka



Delegasi Fakulti Perladangan dan Agroteknologi yang diketuai oleh Naib Canselor UiTM, YBhg. Prof Ir Dr Mohd Azraai Kassim bersama Dekan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA), YBrs. Prof Madya Dr Asmah Awal dan Pengurusan Fakulti telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Ketua Menteri Melaka pada 10 April 2019.

Kunjungan hormat bertujuan bagi membincangkan persetujuan MoU untuk menjalinkan kolaborasi akademik, keusahawanan pelajar dan penyelidikan Kabong di antara FPA UiTM dan Kerajaan Negeri Melaka.

Ketua Menteri, YAB Tuan Hj. Adly bin Zahari amat menyambut baik inisiatif fakulti dan pihak UiTM dalam membangunkan model keusahawanan di kalangan pelajar serta penyelidikan yang berteraskan *future crop* untuk pembangunan pertanian lestari.

